

Dasar Pengkomersilan
Harta Intelekt UKM
(Tambahan) 2012

Dasar Pengkomersilan Harta Intelekt UKM (Tambahan) 2012

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2012
<http://www.penerbit.ukm.my>

Cetakan Pertama/*First Printing*, 2012
Hak Cipta/*Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh/*Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor D.E. Malaysia
<http://www.penerbit.ukm.my>

Penerbit UKM adalah anggota/*is a member of the*
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA/
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli/*Membership No.* 198302

Atur huruf dan dicetak oleh / *Typeset and printed by*
REKA CETAK SDN. BHD.
No. 14 Jalan Jemuju Empat 16/13D,
Section 16, 40200 Shah Alam,
Selangor D.E. Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Dasar Pengkomersilan Harta Intelekt UKM (Tambahan) 2012

ISBN 978-967-942-986-2

1. Harta intelek. 2. Harta intelek - aspek ekonomi.

346.048

Kandungan

Kata Aluan ... 7

Pendahuluan ... 9

Dasar Pengkomersilan Harta Intelek UKM
(Tambahan) 2012 ... 10

LAMPIRAN 1 Aliran Proses Pengkomersilan HI ... 23

LAMPIRAN 2 Garis Panduan Usaha Wajar
Pengkomersilan HI ... 24

LAMPIRAN 3 Perjanjian Penyerahan Hak Harta
Intelek ... 26

LAMPIRAN 4 Catatan Keterangan Tentang
Hasil Pengkomersilan HI ... 30

LAMPIRAN 5 Borang Pengagihan Pendapatan HI
Universiti Kebangsaan Malaysia ... 35

LAMPIRAN 6 Garis Panduan Percanggahan
Kepentingan dan Komitmen ... 37

Kata Alu-aluan Naib Canselor

Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera


Saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan dan penerbitan Dasar Pengkomersilan Harta Intelek UKM (Tambahan) 2012 ini.

Dasar Pengkomersilan Harta Intelek UKM ini menyediakan garis panduan dan modus-operandi pengurusan isu-isu berkaitan pengkomersilan harta intelek yang komprehensif termasuk formula pengagihan pendapatan pengkomersilan.

Dasar ini penting bagi menyokong matlamat kita membawa Harta Intelek ke pasaran. Ini adalah selari dengan objektif Model Ekonomi Baru negara di mana penyelidikan dan inovasi seharusnya mampu menjana kekayaan dan melahirkan peluang pekerjaan baru bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Penyelidikan dan inovasi yang dicetuskan oleh warga UKM diharap dapat menyumbang kepada kemakmuran rakyat di bawah Model Ekonomi Baru.

Saya berharap penerbitan Dasar Pengkomersilan Harta Intelek ini akan meningkatkan kesedaran di kalangan seluruh warga UKM terutamanya para penyelidik mengenai rantaian nilai harta intelek dan pentingnya membawa hasil penyelidikan mereka ke pasaran.

Sekian.



Prof. Tan Sri Dato' Wira Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahbudin
Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia

PENDAHULUAN

1. Pada tahun 2003, UKM mula mengorak langkah dalam usaha menggubal garis panduan Pengkomersilan Harta Intelek, bermula dengan tertubuhnya jawatankuasa khas, dengan Pusat Pengurusan Penyelidikan bertindak sebagai urus setia.
2. Pada tahun 2005, Lembaga Pengarah Universiti telah meluluskan garis panduan Dasar Pengkomersilan Harta Intelek UKM tersebut.
3. Pada tahun 2008, Bahagian Inovasi dan Pemindahan Teknologi, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) telah diminta untuk meneliti semula garis panduan tersebut supaya lebih mantap, jelas dan sesuai dengan perkembangan terkini.
4. Pada penghujung tahun 2008, CRIM telah menyiapkan deraf Dasar Pengkomersilan Harta Intelek UKM dan ia diedarkan kepada Fakulti, Institut, Pusat dan Pentadbiran untuk mendapatkan maklum balas.
5. Pada Mac 2009, CRIM telah mengambil kira semua cadangan pindaan dan mengadakan beberapa beberapa siri perbincangan dengan Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi).
6. Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil. 15/2010 pada 22 Jun 2010 telah meluluskan kertas cadangan Dasar ini dan bersetuju membentangkan Dasar ini dalam Mesyuarat Ketua Bahagian akan datang untuk makluman Dekan/Pengarah.
7. Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil. 19/2010 pada 24 Ogos 2010 mengambil maklum kertas dasar ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Penyelidikan Inovasi.
8. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Penyelidikan dan Inovasi Bil. 2/2010 pada 2 September 2010 telah bersetuju memperakukan Dasar ini dibawa untuk kelulusan Mesyuarat Senat.
9. Mesyuarat Senat ke-358 pada 22 November 2010 telah bersetuju memperakukan untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti.

10. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 1/2011 pada 10 Februari 2011 telah bersetuju meluluskan Dasar Pengkomersilan Harta Intelek UKM (Tambahan) 2011.
11. Mesyuarat MPU Bil. 4/2011 bertarikh 21 Februari 2011 telah meluluskan cadangan UKM Technology Sdn. Bhd. melalui *Kertas Cadangan Tidak Menggunakan Seksyen Tertentu Pekeliling – pekeliling Perkhidmatan Awam Yang Menjadi Kekangan Bagi Memudahkan Urusan Pengkomersilan Harta Intelek UKM* untuk dikemukakan untuk kelulusan dan pertimbangan Mesyuarat LPU.
12. Mesyuarat LPU Bil. 6/2011 bertarikh 7 Julai 2011 telah mengambil maklum dan bersetuju tidak menggunakan seksyen – seksyen tertentu pekeliling – pekeliling perkhidmatan awam.
13. Susulan ini, beberapa pindaan kepada dokumen Dasar Pengkomersilan Harta Intelek UKM (Tambahan) 2011 telah dibuat bagi mengambil kira keputusan Mesyuarat LPU di atas.
14. Mesyuarat MPU Bil. 14/2011 bertarikh 9 Ogos 2011 telah mengambil maklum dan bersetuju dengan pindaan kepada beberapa seksyen – seksyen tertentu dalam Dasar Pengkomersilan Harta Intelek UKM (Tambahan) 2011.
15. Mesyuarat MKB Bil. 5/2011 bertarikh 23 Ogos 2011 juga telah mengambil maklum dan memperakukan pindaan kepada beberapa seksyen – seksyen tertentu dalam Dasar Pengkomersilan Harta Intelek UKM (Tambahan) 2011.
16. Mesyuarat Senat ke-368 bertarikh 19 Oktober 2011 juga telah mengambil maklum dan memperakukan pindaan kepada beberapa seksyen – seksyen tertentu dalam Dasar Pengkomersilan Harta Intelek UKM (Tambahan) 2011 dan dimajukan untuk kelulusan Mesyuarat LPU.
17. Mesyuarat LPU Bil. 7/2012 bertarikh 5 Januari 2012 telah bersetuju meluluskan cadangan pindaan kepada Dasar Pengkomersilan Harta Intelek UKM (Tambahan) 2012.

DASAR PENGKOMERSILAN HARTA INTELEK UKM (TAMBAHAN) 2012

Tarikh Dasar Diperkenalkan	2012
Tarikh Kajian Semula	2014
Pejabat Yang Boleh Dihubungi	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Perundangan dan Dasar yang Berkaitan	• <i>Akta Cap Dagangan 1976</i> • <i>Akta Hak Cipta 1987</i> • <i>Akta Paten 1983</i> • <i>Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004</i> • <i>Akta Petunjuk Geografi 2000</i> • <i>Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996</i> • <i>Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000</i> • <i>Akta Agensi Inovasi Malaysia 2010</i> Dasar Harta Intelek UKM Dasar Harta Intelek Pelajar UKM (Tambahan) Dasar Harta Intelek Rakan Sekutu UKM (Tambahan) Dasar Pengkomersilan Harta Intelek untuk Projek Penyelidikan & Pembangunan (R&D) yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia (Jun 2009) Dasar Harta Intelek Negara (2007) Perintah Am Kerajaan Malaysia dan Pekeliling JPA yang berkaitan: a. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2002 * : <i>Pemilikan dan Perisytiharan Harta oleh Pegawai Awam</i> b. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1993 * : <i>Bayaran (Fees), Elaun-elaun dan pampasan yang boleh disimpan oleh pegawai kerajaan yang dilantik menjadi Pengerusi / Ahli-ahli Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun / Kuasa-kuasa Tempatan/ Badan-badan Perniagaan yang kerajaan mempunyai kepentingan)</i>

(sambung)

(sambungan)

	c. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1982 * : <i>Penglibatan Kakitangan Kerajaan Dalam Lembaga Pengarah Syarikat Perdagangan / Perusahaan Persendirian Atau Syarikat Perdagangan / Perusahaan Di Mana Koperasi / Tabung / Kesatuan Sekerja Kakitangan Awam Mempunyai Kepentingan Dari Segi Pelaburan Modal Dan / Atau Ekuiti</i>
Dokumen/Borang Sokongan	Borang Pendedahan Reka Cipta Perjanjian Kerahsiaan Borang Pengagihan Pendapatan Harta Intelek

Nota

* Seksyen mengikut Pekeliling Perkhidmatan kerajaan yang telah ditanda tidak lagi digunapakai dalam Dasar Pengkomersilan Harta Intelek UKM (Tambahan) 2012.

BAB 1

Dasar Pengkomersilan Harta Intelek UKM (Tambahan) 2012

1. Tujuan Dasar

- 1.1 Dasar ini mengemukakan Dasar Universiti yang berkaitan dengan pengkomersilan Harta Intelek dan pengagihan pendapatan yang diperoleh daripadanya. Dasar ini terpakai bagi semua individu, termasuk Pekerja, Pelajar Universiti dan rakan sekutu (mengikut perjanjian).
- 1.2 Dasar ini, bersama dengan Dasar Harta Intelek UKM, Dasar Harta Intelek Pelajar UKM (Tambahan) dan Dasar Harta Intelek Rakan Sekutu UKM (Tambahan) membentuk sebahagian daripada rangka Dasar Harta Intelek UKM.

2. Takrif

Untuk tujuan Dasar ini, takrifan berikut digunakan:

- 2.1 ‘Mengkomersilkan atau Pengkomersilan’ bermaksud menjual, mengilangkan, menyerahkan hak, melesenkan, memfrancaiskan, memasarkan atau menggunakan Harta Intelek untuk tujuan menjana pendapatan atau pulangan kewangan yang lain.
- 2.2 ‘Kos Pengkomersilan’ bermaksud semua kos yang diperlukan dan / atau munasabah yang ditanggung dalam pengkomersilan Harta Intelek, termasuk tetapi tidak terhad kepada: (a) pendaftaran dan pelaksanaan Harta Intelek; (b) undang-undang; (c) bidang profesional lain yang membawa kepada hasil Pengkomersilan; (d) perjalanan dan penginapan yang berkaitan oleh Pekerja UKM dan / atau orang lain yang terlibat; (e) cukai yang ditanggung dan (f) fi pengurusan UKM Technology Sdn. Bhd.

- 2.3 'Hasil Pengkomersilan' bermaksud (a) royalti daripada jualan oleh pemegang lesen; (b) royalti daripada fi sublesen yang diterima daripada pemegang lesen; (c) fi lesen sekali gus; (d) hasil daripada jualan Harta Intelekt ; (e) fi tandatangan; (f) bayaran peristiwa penting; (g) bayaran tahunan minimum; (h) pembayaran balik pendaftaran dan pelaksanaan Harta Intelekt; (i) dividen bagi saham yang dimiliki oleh UKM dalam syarikat yang baru dimulakan, yang kepadanya lesen diberikan jika penyelidik tidak mempunyai apa-apa ekuiti dalam syarikat yang baru dimulakan itu; (j) hasil daripada jualan saham yang dimiliki oleh UKM dalam syarikat yang baru dimulakan yang kepadanya lesen diberikan jika penyelidik tidak memiliki apa-apa ekuiti dalam syarikat yang baru dimulakan itu; dan (k) ganti rugi daripada apa-apa prosiding pelanggaran (infringement).

Senarai di atas tidak menyeluruh dan tidak termasuk komponen overhead untuk dana penyelidikan yang dibayar menurut perjanjian penyelidikan.

- 2.4 'PIK' bermaksud Pusat Inovasi Kolaboratif, UKM.
- 2.5 'Pekerja' bermaksud mana-mana orang yang diambil bekerja oleh UKM separuh masa atau sepenuh masa, kontrak atau tetap dan termasuk kakitangan akademik dan bukan akademik.
- 2.6 'Fakulti' bermaksud mana-mana bahagian atau jabatan dalam UKM yang terdiri daripada satu bidang subjek atau beberapa bidang subjek yang berkaitan.
- 2.7 'Reka Cipta' bermaksud idea yang membenarkan penyelesaian teknikal untuk masalah tertentu dipraktikkan dalam bidang teknologi dan boleh berkaitan dengan sesuatu produk atau proses.
- 2.8 'Pencipta' bermaksud Pencipta atau pengarang Harta Intelekt.
- 2.9 'Penyumbang' bermaksud orang yang memberikan sumbangan yang penting dalam penciptaan atau demonstrasi Harta Intelekt.
- 2.10 'Harta Intelekt' (HI) bermaksud semua bentuk harta intelek yang dilindungi oleh undang-undang Malaysia atau undang-undang lain tentang Harta Intelekt termasuk hak cipta, paten, reka bentuk perindustrian, cap dagangan, petunjuk geografi, reka bentuk susun atur litar bersepadu, varieti baru tumbuhan, pengetahuan dan maklumat sulit.

- 2.11 'Hasil Pengkomersilan Bersih' bermaksud Hasil Pengkomersilan Kasar tolak Kos Pengkomersilan.
- 2.12 'Pelajar' bermaksud pelajar berdaftar UKM.
- 2.13 'UKM' bermaksud Universiti Kebangsaan Malaysia.
- 2.14 'UKM Technology Sdn. Bhd.' ialah syarikat pemindahan teknologi Universiti Kebangsaan Malaysia.

3. Proses Pengkomersilan

- 3.1 Aliran Proses Pengkomersilan HI adalah ditunjukkan seperti dalam Lampiran 1.
- 3.2 PIK dan UKM Technology Sdn. Bhd. akan menjalankan pemilihan teknologi yang hendak dikomersilkan.
- 3.3 Pemilihan teknologi akan tertakluk kepada usaha wajar menurut garis panduan yang ditunjukkan dalam Lampiran 2.
- 3.4 Penyerahan hak teknologi daripada UKM kepada UKM Technology Sdn. Bhd. akan berkuat kuasa melalui surat ikatan serah hak seperti dalam Lampiran 3 sebaik sahaja model pengkomersilan ditetapkan.
- 3.5 UKM Technology Sdn. Bhd. akan bertindak sebagai Pemberi Lesen bagi pihak UKM. Bagi Syarikat Terbitan Universiti atau syarikat usaha sama Universiti, UKM Technology Sdn. Bhd. akan menjadi proksi UKM sebagai pemegang saham dalam syarikat terbitan atau syarikat usaha sama itu.
- 3.6 UKM Technology Sdn. Bhd. akan memilih model Pengkomersilan termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
 - (a) Penyerahan hak atau jualan tanpa syarat HI;
 - (b) Melesenkannya kepada syarikat pihak ketiga;
 - (c) Melesenkannya kepada Syarikat Terbitan Universiti;
 - (d) Pembentukan Syarikat Terbitan Universiti;
 - (e) Syarikat Usaha Sama Diperbadankan; atau
 - (f) Perjanjian Strategik (usaha sama yang tidak diperbadankan).
- 3.7 Apabila melibatkan pelesenan, UKM Technology Sdn. Bhd. akan memilih laluan pelesenan termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
 - (a) Lesen kepada syarikat yang sudah mantap;

- (b) Lesen kepada syarikat terbitan;
 - (c) Dibangunkan melalui mekanisme “pematangan” (Pembangunan Produk); atau
 - (d) Menggunakan khidmat organisasi pelesenan swasta.
- 3.8 Jika Universiti memutuskan untuk tidak memfailkan atau tidak meneruskan paten, Universiti boleh menyerahkan semula HI itu kepada Pencipta.

4. Pengagihan Pendapatan

- 4.1 Pendapatan yang diperoleh daripada pengkomersilan akan dikategorikan seperti yang berikut:
- (a) Hasil Pengkomersilan Bersih
Hasil Pengkomersilan tolak Kos Pengkomersilan seperti yang ditentukan dalam Lampiran 4.
 - (b) Keuntungan daripada syarikat terbitan
Ini merupakan Hasil yang diperoleh daripada operasi syarikat terbitan atau syarikat usaha sama yang juga termasuk Hasil jualan daripada produk dan perkhidmatan.
- 4.2 Hasil Pengkomersilan Bersih yang ditakrifkan dalam Fasal 4.1 (a) hendaklah diagihkan pada penutup tahun kewangan antara Pencipta, UKM dan UKM Technology Sdn. Bhd. dengan menggunakan formula berikut:

Hasil Pengkomersilan Bersih (RM)	Pencipta	UKM	Fakulti/ Pusat/ Institut	UKM Technology Sdn. Bhd.
RM250,000.00 pertama	70%	5%	5%	20%
RM250,000.00 hingga RM1,000,000.00 berikutnya	50%	10%	10%	30%
RM1,000,000.00 dan ke atas	40%	15%	15%	30%

JADUAL 1: Pengagihan Hasil Pengkomersilan Bersih

- 4.3 Keuntungan daripada operasi perniagaan syarikat terbitan atau syarikat usaha sama akan diagihkan kepada pemegang saham dalam bentuk dividen menurut Resolusi Lembaga Pengarah syarikat tersebut.

5. Ekuiti dalam Syarikat Terbitan Universiti

- 5.1 Had pegangan Ekuiti dalam Syarikat Terbitan Universiti oleh penyelidik adalah tertakluk kepada julat yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti.

Faktor berikut akan dipertimbangkan dalam struktur ekuiti:

- (a) Nilai HI;
- (b) Tempoh perkhidmatan Penyelidik di UKM;
- (c) Tahap potensi perniagaan yang terhasil daripada HI pengetahuan penyelidik dan Inovasi; dan
- (d) Tahap penglibatan dalam syarikat terbitan.

- 5.2 Sumber dana dan modal untuk syarikat terbitan ditunjukkan dalam Jadual 2:

Peringkat	Sumber Dana
Permulaan	Dana Modal Benih Universiti, geran kerajaan dan geran pengkomersilan
Pembentukan Syarikat yang Baru Dimulakan	Dana Modal Benih Universiti dan geran pengkomersilan
Peringkat awal	Dana Modal Benih Universiti, pengasas, Pelabur Modal Budiman dan geran pengkomersilan
Pertumbuhan (pasaran telah ditentukan)	Modal Usaha Niaga, Pelabur Modal Budiman, pembekal & pelanggan
Pengembangan pasaran	Modal Usaha Niaga, bank dan Tawaran Awam Awal (IPO)

JADUAL 2: Sumber dana dan modal untuk syarikat terbitan

- 5.3 Apabila HI dicipta oleh lebih daripada seorang Pencipta, maka nisbah pengagihan pendapatan dalam kalangan Pencipta hendaklah dipersetujui antara satu dengan lain dan perjanjian tersebut perlu disokong oleh UKM Technology Sdn. Bhd. (seperti yang ditentukan dalam Lampiran 5).
- 5.4 Ekuiti dalam syarikat terbitan akan dipertimbangkan mengikut kes. Pencipta perlu mengambil kira kesan cukai, jika ada, apabila mereka memegang ekuiti. Butiran, terma dan syarat pegangan ekuiti akan dinyatakan di dalam perjanjian pemegang saham.
- 5.5 Pencipta boleh memegang saham berdasarkan kemampuan peribadi, dengan kebenaran bertulis daripada UKM.
- 5.6 Pengurusan syarikat terbitan boleh ditawarkan opsyen saham dalam syarikat terbitan, yang akan dipertimbangkan mengikut kes.
- 5.7 Syarikat Terbitan Universiti mempunyai beberapa strategi keluar seperti berikut:

Strategi Keluar	Akibat dan Pulangan yang Dijangka
Jualan Perdagangan	Jualan aset dan perniagaan bagi syarikat. Semua aset ditukar kepada tunai apabila syarikat menamatkan perniagaan dan modal yang diperoleh atau keuntungan akan dipulangkan kepada pemegang saham. Jika semua saham dalam syarikat dijual kepada seorang pembeli, pemegang saham akan menerima hasil daripada jualan saham itu.
Penggabungan	Penggabungan dengan syarikat lain. Saham dalam syarikat akan ditukar dengan saham dalam syarikat lain itu.
Penebusan Saham	Saham akan ditebus oleh syarikat. Saham akan dipulangkan dan dibatalkan dan syarikat akan membayar harga belian yang dipersetujui.
Tawaran Awam Awal	IPO menyebabkan modal diperolehi daripada awam dan oleh itu disenaraikan di bursa saham. Penyenaraian bursa saham menyediakan pasaran cair dan boleh akses untuk Modal Usaha Sama / Pelabur untuk menjual sahamnya bagi mendapatkan keuntungan.
Penutupan	Jika syarikat perlu ditutup, ia tertakluk kepada peraturan dan prosedur penutupan.

JADUAL 3: Strategi keluar bagi syarikat terbitan

6. Terma Penglibatan dalam Syarikat yang Baru Dimulakan

Kategori penglibatan dalam pengkomersilan melalui pelesenan atau syarikat terbitan akan ditentukan oleh Lembaga Pengarah syarikat terbitan tersebut dan dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada UKM. Peraturan dan prosedur bergantung pada jenis pengambilan seperti di bawah:

Jenis Penglibatan	Komitmen Masa	Bentuk Gaji/Bayaran (Elaun)
<i>Sepuluh Masa (Perunding)</i>	Bersamaan dua (2) hari seminggu bagi urusan perniagaan dalam syarikat yang baru dimulakan.	Mengikut Dasar Gaji UKM Technology Sdn. Bhd., tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah UKM Technology Sdn. Bhd.
<i>Cuti Akademik Sepuluh Masa</i>	Bersamaan dua (2) tahun.	Mengikut Dasar Gaji UKM Technology Sdn. Bhd., tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah UKM Technology Sdn. Bhd. Dalam tempoh ini, Pekerja UKM berkemungkinan tidak menerima gaji daripada UKM, tetapi akan menerima gaji daripada syarikat yang baru dimulakan itu.
<i>Peminjaman Sepuluh Masa</i> Pelantikan di bawah peminjaman sepenuh masa hendaklah merujuk	Sepuluh masa sehingga dua (2) tahun. Dalam tempoh ini, Pencipta dikehendaki memberikan	Mematuhi Dasar Gaji UKM Technology Sdn. Bhd., tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah UKM Technology Sdn. Bhd.

(sambung)

(sambungan)

	komitmen sepenuh masa untuk kejayaan syarikat yang baru dimulakan dan	dan tertakluk kepada dasar Kerajaan. Dalam tempoh ini, Pekerja UKM
Dasar UKM Technology Sdn. Bhd.	tidak terlibat dalam tugas mengajar atau mempunyai apa-apa tugas pentadbiran daripada UKM.	akan terus menerima Gaji Pokok daripada UKM dan menerima Elaun daripada syarikat yang baru dimulakan itu.
<i>Pengarah</i> Kakitangan kerajaan yang menjadi Pengarah tertakluk kepada Dasar Kerajaan dalam Pekeliling Kerajaan: Pekeliling Bil. 2 Tahun 1993: Bayaran (Fees), Elaun-elaun dan pampasan yang boleh disimpan oleh pegawai-pegawai kerajaan yang dilantik menjadi Pengerusi / Ahli-ahli Lembaga Pengarah Badan-Badan Berkanun / Kuada-kuasa Tempatan / Badan-badan Perniagaan yang kerajaan mempunyai kepentingan.	Bagi Pengarah Bukan Eksekutif, komitmen masa hanya apabila menghadiri Mesyuarat Pengarah. Bagi Pengarah Eksekutif yang juga terlibat dalam Pengurusan syarikat yang baru dimulakan, Seksyen 6 di atas dirujuk.	Fi Pengarah seperti yang dinyatakan dalam Dasar UKM Technology Sdn. Bhd.

7. Tempoh Manfaat

Pencipta akan menerima manfaat saham Pencipta, selagi Hasil Pengkomersilan diterima dan setelah Pencipta meninggal dunia, manfaat tersebut akan dibayar kepada benefisiari Pencipta.

8. Percanggahan Kepentingan dan Komitmen dalam Pengkomersilan

- 8.1 UKM mempunyai komitmen terhadap nilai asas dalam ketelusan, keutuhan dan kebebasan semasa ia melaksanakan misinya untuk mewujudkan, memelihara dan menyebarkan pengetahuan menerusi pengajaran, penyelidikan, pemindahan teknologi dan perkhidmatan awam. Oleh yang demikian, UKM membenarkan dan menggalakkan fakulti dan kakitangan melibatkan diri dalam aktiviti dan hubungan luar yang boleh mempercepat pencapaian misi UKM. Semua fakulti dan kakitangan hendaklah bertindak dengan jujur, penuh integriti dan demi kepentingan UKM apabila menjalankan kewajipan mereka dan mematuhi standard tertinggi dalam penyelidikan, pendidikan, profesional dan perlakuan fiskal.
- 8.2 Apabila UKM membenarkan dan menggalakkan aktiviti dan hubungan luar yang boleh mempercepat pencapaian misi UKM, maka percanggahan kepentingan dan komitmen mungkin timbul dan tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, aktiviti luar termasuk penyelidikan tajaan dan kerjasama serta pengkomersilan HI tidak seharusnya mengganggu obligasi individu terhadap UKM. Pencipta dan Kakitangan tidak boleh menggunakan jawatan rasmi mereka di UKM atau pengaruh mereka untuk kepentingan atau peningkatan seterusnya untuk dirinya, ibu bapa, adik-beradik, suami / isteri, anak, saudara tanggungan atau rakan kongsi peribadi yang lain.
- 8.3 Terdapat beberapa percanggahan kepentingan yang boleh timbul berhubung dengan penerimaan Hasil Pengkomersilan oleh Pencipta. Ini termasuk percanggahan yang mungkin berkaitan dengan:
 - (a) pengendalian dan pelaporan penyelidikan;
 - (b) penglibatan Pencipta dalam membuat keputusan tentang geran, penajaan, pengambilan, amalan dan peruntukan sumber; dan
 - (c) penglibatan Pencipta dalam kemampuan pakar, penasihat atau kawal selia, dalam atau di luar tempoh perkhidmatan mereka di UKM atau penglibatan mereka dalam aktiviti pengkomersilan menerusi UKM Technology Sdn. Bhd.


- 8.4 Pencipta dan Pekerja UKM lain yang terlibat dalam aktiviti pengkomersilan hendaklah mematuhi Garis Panduan Percanggahan Kepentingan dan Komitmen dalam Lampiran 6. Semua percanggahan kepentingan atau komitmen yang sebenar atau yang mungkin timbul mestilah didedahkan kepada PIK atau UKM Technology Sdn. Bhd. untuk dinilai. Jika percanggahan tersebut didapati ketara, maka percanggahan itu akan dihapuskan atau dikendalikan seperti yang diterangkan dalam Garis Panduan Percanggahan Kepentingan dan Komitmen.

9. Penyampaian Dasar

PIK dan UKM Technology Sdn. Bhd. bertanggungjawab untuk membangunkan dan mengkaji semula strategi penyampaian Dasar ini.

LAMPIRAN 1

Aliran Proses Pengkomersilan HI UKM



Garis Panduan Usaha Wajar Pengkomersilan HI

1. Kriteria Dalam Pengkomersilan HI
 - 1.1 PIK dan UKM Technology Sdn. Bhd. akan mempertimbangkan enam komponen yang berikut dalam proses usaha wajarnya sebelum pengkomersilan:
 - (a) Potensi Hasil
 - i. Adakah aplikasi komersil dikenal pasti?
 - ii. Nilai pasaran: adakah pasarannya besar / kecil? Adakah pasarannya berkembang / menyusut?
 - iii. Bagaimanakah persaingannya?
 - iv. Pemegang lesen berpotensi
 - v. Siapakah yang akan menghasilkan nilai?
 - vi. Adakah paten / lesen boleh dikuatkuasakan?
 - (b) Kebarangkalian Kejayaan
 - i. Apakah peringkat yang dicapai dalam proses pembangunan?
 - ii. Adakah ia bersaing dalam pasaran atau adakah ia mempunyai halangan pembangunan yang besar?
 - iii. Rekod pereka
 - iv. Adakah ia berasaskan kejayaan sebelumnya?
 - v. Adakah kini wujud hubungan dengan industri?
 - (c) Paten
 - i. Adakah paten itu luas atau terhad?
 - ii. Adakah paten itu baik atau lemah?

- (d) Sokongan
 - i. Adakah paten itu sinergi dengan paten UKM yang lain?
 - ii. Adakah kerja yang berterusan dilakukan ke atas paten?
 - iii. Adakah Pencipta boleh menyokong pengkomersilan?
 - iv. Adakah terdapat potensi untuk membentuk syarikat hiliran?
- (e) Kesejahteraan Masyarakat
 - Adakah ia memberikan sumbangan kepada kesejahteraan masyarakat?
- (f) Kos
 - i. Kos Pentadbiran, Pengurusan dan Paten
 - ii. Pembuktian Konsep
 - iii. Pelesenan
 - iv. Penguatkuasaan


PERJANJIAN PENYERAHAN HAK HARTA INTELEK

Antara



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

dengan



UKM TECHNOLOGY SDN. BHD.
(No. Syarikat 858710-U)

Perjanjian ini bertarikh

dibuat

ANTARA:

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA sebuah institusi pengajian tinggi yang ditubuhkan dan diperbadankan di bawah Akta Universiti dan Kolej UKM 1971 dan beralamat di 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia("Universiti"), di satu pihak

DENGAN

UKM TECHNOLOGY SDN. BHD. (No. Syarikat 858710-U) sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia dan berpejabat di Aras 3, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia ("UKMTech"), sebagai pihak yang satu lagi.

PERJANJIAN:

1. Sebagai balasan kepada jumlah RM1 yang kini dibayar oleh UKMTech kepada Universiti (penerimaannya diakui oleh Universiti), Universiti menyerahkan kepada UKMTech semua hak dan liabiliti, hak milik dan kepentingannya dalam dan untuk:
 - 1.1 reka cipta dan aplikasi yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ("Teknologi Subjek");
 - 1.2 hak tertentu yang ada pada Universiti untuk mendakwa dan mendapatkan relif injunksi, ganti rugi dan relif lain berhubung dengan apa-apa pelanggaran atau penyalahgunaan Teknologi Subjek;
 - 1.3 semua hak cipta, hak reka bentuk dan hak harta intelek dan perindustrian yang lain dalam Teknologi Subjek yang Universiti kini berhak terhadapnya di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa di mana-mana bahagian dunia, sama ada terletak hak, hadapan, luar jangka dan termasuk, tetapi tidak terhad kepada apa-apa lanjutan, pembaharuan, pengembalian dan hak tindakan terakru;
 - 1.4 hak untuk memohon paten atau perlindungan yang serupa dalam mana-mana kawasan atau kumpulan kawasan berhubung dengan Teknologi Subjek dan hak untuk

membuat tuntutan keutamaan di bawah Konvensyen Antarabangsa untuk Perlindungan Harta Perindustrian dan di bawah mana-mana konvensyen antarabangsa lain yang berkaitan atau triti bagi setiap negara kesatuan yang ditubuhkan melalui konvensyen berkaitan yang melaluinya permohonan boleh dibuat oleh UKMTech.

2. UKM Tech memberikan kepada Universiti, lesen tak boleh batal, bebas royalti dan tidak eksklusif untuk Universiti dan setiap pekerja, pelajar, ejen dan orang yang dilantik Universiti untuk menggunakan Teknologi Subjek untuk tujuan akademik dan penyelidikan dan juga untuk tujuan penjagaan pesakit klinikal. Lesen ini tidak boleh dipindah milik, tetapi ia memasukkan hak untuk Universiti menggunakan Teknologi Subjek sebagai teknologi penggerak dalam projek penyelidikan, termasuk projek yang mendapat manfaat daripada pendanaan luar.
3. Walau bagaimanapun, pihak Universiti mempunyai hak untuk membatalkan Perjanjian ini sekiranya wajar.
4. Perjanjian ini dikawal oleh undang-undang Malaysia dan Mahkamah Malaysia mempunyai kuasa eksklusif untuk mengendalikan apa-apa pertikaian yang mungkin timbul daripada atau berhubung dengan Perjanjian ini.

Jadual

(Klausa 1.1 – Teknologi Subjek)

Bil.	Penyelidik	Produk
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		

PADA MENYAKSIKANNYA maka pihak atau penandatanganan mereka yang diberi kuasa menurunkan tandatangan mereka pada tarikh yang mula dinyatakan di atas.

DITANDATANGANI untuk
dan bagi pihak UNIVERSITI
KEBANGSAAN MALAYSIA

DITANDATANGANI untuk dan
bagi pihak
UKM TECHNOLOGY SDN. BHD.

Nama:
Pengarah
Pusat Inovasi Kolaboratif
Tarikh:

Nama:
Ketua Pegawai Eksekutif
UKM Technology Sdn. Bhd.
Tarikh:

Catatan Keterangan tentang Hasil Pengkomersilan HI

1. Hasil Pengkomersilan HI

1.1 Hasil Pengkomersilan Bersih

Hanya Hasil Pengkomersilan 'Bersih' tertakluk kepada pengagihan. Kos Pengkomersilan hendaklah diperoleh semula oleh UKM sebelum apa-apa pengagihan dibuat.

Kos Pengkomersilan termasuk:

- (a) kos pendaftaran dan pelaksanaan HI;
- (b) kos perundangan yang ditanggung untuk projek;
- (c) kos profesional luar lain yang ditanggung untuk projek seperti:
 - i. perbelanjaan akauntan untuk penyediaan model kewangan;
 - ii. perbelanjaan penilai;
 - iii. fi pengurusan UKM Technology Sdn. Bhd.;
 - iv. perbelanjaan pakar runding lain (pakar runding pengkomersilan, perunding, pakar runding lain jika ada);
- (d) kos perjalanan dan penginapan dalam aktiviti pengkomersilan; dan
- (e) cukai yang berkaitan dengan pengkomersilan.

2. Kos Pentadbiran

Tidak semua kos pentadbiran perlu ditolak daripada Hasil Pengkomersilan untuk memperoleh hasil 'bersih'. Kecuali bagi perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti Pengkomersilan, kos overhead tetap yang berikut tidak boleh ditolak untuk memperoleh hasil 'bersih':

- (a) Gaji tetap pekerja UKM;
- (b) Sewa bangunan, kos komputer, kos kilang, kelengkapan dan lain-lain.

3. Kos Penyelidikan
Bukan satu kelaziman untuk menolak perbelanjaan penyelidikan untuk memperoleh hasil 'bersih'.
4. Kos Pendaftaran Dan Pelaksanaan HI
Kos pendaftaran dan pelaksanaan HI akan ditolak daripada Hasil Pengkomersilan untuk memperoleh hasil 'bersih'.
5. Kos Litigasi
Apa-apa kos litigasi, sama ada yang ditanggung semasa pendaftaran HI, pelanggaran atau pembelaan terhadap tindakan pelanggaran, akan ditolak daripada Hasil Pengkomersilan untuk memperoleh hasil 'bersih'.
6. Kos Lain
Perbelanjaan lain mungkin ditanggung yang akan ditolak sewajarnya untuk memperoleh hasil 'bersih'. Penentuan sama ada perbelanjaan tertentu perlu ditolak daripada Hasil Pengkomersilan atau tidak untuk memperoleh hasil 'bersih' akan dibuat oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).
7. Hasil Pengkomersilan
 - 7.1 Hasil Pengkomersilan, dengan pengecualian urusan perniagaan syarikat termasuk keuntungan yang dijana daripada operasi syarikat terbitan semuanya merupakan hasil kewangan yang diterima oleh UKM daripada pengkomersilan. Antara lain termasuklah:
 - (a) royalti jualan oleh pemegang lesen;
 - (b) royalti jualan daripada fi sublesen yang diterima daripada pemegang lesen;
 - (c) fi pendahuluan sekali gus pemegang lesen;
 - (d) hasil daripada jualan HI (apabila jualan tanpa syarat atau penyerahan hak berlaku);
 - (e) fi tandatangan;
 - (f) fi kerjasama;
 - (g) bayaran peristiwa penting;
 - (h) bayaran tahunan minimum;
 - (i) pembayaran balik kos pendaftaran dan pelaksanaan HI;
 - (j) dividen daripada saham yang dimiliki oleh UKM dalam syarikat terbitan yang kepadanya lesen diberikan;

- (k) hasil daripada jualan saham yang dimiliki oleh UKM dalam syarikat terbitan yang kepadanya lesen diberikan; dan / atau
- (l) ganti rugi daripada prosiding pelanggaran (infringement).

7.2 Keuntungan Syarikat daripada apa-apa urusan perniagaan akan disimpan oleh syarikat atau diagihkan kepada pemegang saham dalam bentuk dividen yang berkadaran dengan struktur ekuiti. Walau bagaimanapun, senarai ini tidak lengkap, kerana mungkin terdapat jenis Hasil Pengkomersilan yang lain yang tidak dimasukkan dalam senarai ini. Penentuan sama ada sesuatu perkara tertentu adalah hasil atau tidak tertakluk kepada pengagihan yang akan dibuat oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

7.3 Fi Tandatangan

Fi tandatangan, apabila dapat diperoleh atau apabila mencukupi, biasanya digunakan untuk membayar balik perbelanjaan yang ditanggung bagi mendapatkan lesen atau urusan pengkomersilan yang lain. Perbelanjaan tersebut boleh termasuk kos undang-undang, perbelanjaan pendaftaran dan pelaksanaan HI, penasihat kewangan, pakar runding lain yang perlu, perbelanjaan perjalanan dan lain-lain. Untuk kemudahan, fi tandatangan biasanya:

- (a) diambil kira sebagai hasil; dan
- (b) tolak kos yang ditetapkan sebelum ini untuk memperoleh hasil “bersih”.

7.4 Fi Lesen Sekali gus

Fi lesen sekali gus adalah hasil yang disediakan untuk pengagihan.

7.5 Saham yang diterima oleh UKM yang diterbitkan untuk pemberian HI

Manfaat yang diterima oleh UKM daripada saham yang diterbitkan untuknya sebagai balasan bagi HI yang diterima secara langsung untuk penyerahan hak atau lesen atau HI adalah Hasil Pengkomersilan boleh lupus yang disediakan untuk pengagihan. Manfaat ini termasuk dividen dan

hasil daripada jualan. Walau bagaimanapun, saham yang diterima adalah balasan daripada perkhidmatan berikut yang dibekalkan kepada syarikat:

- (a) penggunaan makmalnya atau premis lain; atau
- (b) penggunaan kemudahannya

tergolong dalam kategori yang berbeza dan dividen bagi saham ini dan juga hasil daripada jualan saham ini bukan Hasil Pengkomersilan.

Begitu juga, apabila UKM menerima ganjaran kewangan untuk perkhidmatan ini dan menggunakan dana ini untuk membeli saham, maka saham ini tergolong dalam kategori yang berbeza. Dividen bagi saham ini dan juga hasil daripada jualan saham ini bukan Hasil Pengkomersilan.

7.6 Pembayaran Balik Kos Pendaftaran dan Pelaksanaan HI

Kos pendaftaran dan pelaksanaan HI akan ditolak daripada Hasil Pengkomersilan untuk memperoleh hasil 'bersih'.

Walaupun bagaimanapun, biasanya UKM akan memastikan supaya kos ini dibayar balik oleh pemegang lesen. Jika kos tersebut ditolak daripada Hasil Pengkomersilan dan kemudiannya dibayar balik oleh pemegang lesen, maka jumlah kos itu, setakat pembayaran balik tersebut akan ditambah ke dalam Hasil Pengkomersilan dan tersedia untuk pengagihan oleh sebab perbelanjaan telah ditolak untuk memperoleh hasil 'bersih'.

7.7 Ganti Rugi

Jika ganti rugi diterima oleh UKM berhubung dengan apa-apa pelanggaran, ia akan diterima sebagai pampasan untuk Hasil Pengkomersilan yang sepatutnya telah dijangka dan sepatutnya dimasukkan sewajarnya sebagai Hasil Pengkomersilan yang tersedia untuk pengagihan.

Jika litigasi pelanggaran dilaksanakan oleh UKM dan bukan oleh pemegang lesen, maka kos undang-undang akan dikenakan dan akan ditolak daripada Hasil Pengkomersilan yang tersedia untuk pengagihan.

7.8 Penyelidikan yang dibiayai oleh penaja Entiti Swasta, Korporat dan Industri

Dana penyelidikan yang diterima daripada mana-mana penaja entiti swasta, badan korporat atau daripada penaja industri adalah bukan Hasil Pengkomersilan.

7.9 Kos Pentadbiran Semasa

Dalam proses melaksanakan lesen mengikut tempoh penuhnya, sebagai contoh mungkin tempoh paten selama dua puluh (20) tahun, UKM akan menanggung perbelanjaan yang berkaitan dengan penggunaan kakitangannya. Perbelanjaan overhead tetap tidak akan ditolak daripada Hasil Pengkomersilan yang tersedia untuk pengagihan. Walau bagaimanapun, mungkin terdapat keperluan untuk menanggung perbelanjaan tunai langsung dalam melaksanakan kontrak, seperti perjalanan, kos rundingan, fi undang-undang dan lain-lain. Perbelanjaan tunai langsung ini akan ditolak daripada Hasil Pengkomersilan yang tersedia untuk pengagihan.

Borang Pengagihan Pendapatan HI Universiti Kebangsaan Malaysia

Nombor Projek: _____

1. Borang ini hendaklah diisi dengan lengkap oleh semua Pencipta dan Penyumbang HI UKM (Pencipta dan Penyumbang termasuklah Pekerja, Pelajar dan Rakan Sekutu UKM).
2. UKM menghendaki Pencipta dan Penyumbang Harta Intelek supaya bersetuju sesama mereka tentang bahagian pendapatan pengkomersilan di mana setiap daripada mereka berhak menerimanya daripada hasil bersih yang perlu dibayar kepada mereka di bawah skim perkongsian hasil Universiti.
3. Pencipta dan Penyumbang diminta menyatakan di bawah ini peratus perkongsian relatif bagi setiap manfaat Pencipta yang perlu dibayar kepada setiap Pencipta.
4. Peratus perkongsian akan digunakan untuk membantu rundingan perjanjian perkongsian hasil oleh UKM dengan penaja penyelidikan luar yang menyokong kerja hingga membawa kepada reka cipta HI yang dibincangkan (apabila penaja tersebut menghendaki perkongsian hasil).
5. Peratus perkongsian juga akan digunakan sebagai asas untuk urusan perkongsian hasil antara Universiti dengan institusi kerjasama yang lain, jika ada, apabila seorang Pencipta dan Penyumbang atau lebih diambil bekerja oleh (atau pelajar) Universiti lain.

Tajuk Kerja HI:

Jika ada permohonan paten / cap dagangan/reka bentuk perindustrian, sila nyatakan nombor permohonan yang sama, tajuk dan maklumat pengelasan (jika ada): _____

Perjanjian oleh Pencipta

Kami, yang bertandatangan di bawah ini, bersetuju bahawa sumbangan individu kami kepada HI yang dinyatakan di atas adalah, pada masa tandatangan diturunkan, seperti yang berikut:

Nama	Peratus Sumbangan	Butiran Sumbangan	Tandatangan	Tarikh
Jumlah	100%			

Catatan: Pencipta mestilah Pencipta yang sah menurut takrif yang diberikan dalam undang-undang dan perundangan HI yang terpakai (sila rujuk PIK untuk panduan). Pengarang Perisian adalah mereka yang menulis kod dan dengan itu mewujudkan hak cipta.

Butiran Pencipta / Penyumbang

Nama Penuh : _____
 Gelaran (Profesor / Dr. / dsb.): _____
 No. K.P. / ID / Pasport : _____
 Alamat Tetap : _____
 No. Telefon dan : _____
 No. Telefon Bimbit : _____
 Alamat e-mel : _____
 Warganegara : _____
 Nama Jabatan / : _____
 Fakulti / Organisasi : _____

Garis Panduan Percanggahan Kepentingan dan Komitmen

1. Am
 - 1.1 UKM mempunyai komitmen terhadap nilai asas dalam ketelusan, keutuhan kesarjanaan dan kebebasan semasa ia meneruskan misinya untuk mewujudkan, memelihara dan menyebarkan pengetahuan melalui pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan awam. Oleh yang demikian, UKM membenarkan dan menggalakkan fakulti dan kakitangan melibatkan diri dalam aktiviti dan hubungan luar yang boleh mempercepat pencapaian misi UKM. Semua Pekerja hendaklah bertindak dengan jujur, penuh integriti dan mengutamakan kepentingan UKM semasa menjalankan kewajipan mereka, dan mematuhi standard tertinggi dalam penyelidikan, pendidikan, profesional dan perlakuan fiskal.
 - 1.2 Apabila UKM membenarkan dan menggalakkan aktiviti dan hubungan luar yang boleh mempercepat pencapaian misi UKM, maka percanggahan kepentingan dan komitmen mungkin timbul dan tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, aktiviti luar tidak seharusnya mengganggu obligasi individu terhadap UKM. Pekerja tidak boleh menggunakan jawatan rasmi mereka di UKM atau pengaruh mereka untuk kepentingan atau peningkatan seterusnya untuk dirinya, ibu bapa, adik-beradik, suami / isteri, anak, saudara tanggungan atau rakan kongsi peribadinya yang lain.
 - 1.3 Pekerja di bawah skim perkhidmatan kontrak atau sepenuh masa mempunyai komitmen yang tinggi secara profesional terhadap UKM. Oleh yang demikian, komitmen dari segi masa dan tenaga intelek yang setara hendaklah digunakan untuk menyokong dan mempercepat pencapaian misi UKM. Pekerja separuh masa yang lain pula mempunyai komitmen dari segi masa dan usaha kepada UKM setara dengan pelantikan mereka.

- 1.4 Semua percanggahan kepentingan atau komitmen yang sebenar atau yang mungkin timbul mestilah didedahkan kepada PIK and UKM Technology Sdn. Bhd. untuk dinilai. Jika didapati ketara, percanggahan itu mestilah dihapuskan atau dikendalikan seperti yang diterangkan dalam Seksyen 2.1 peraturan di bawah ini. Dasar ini selaras dengan dan sebagai tambahan kepada undang-undang persekutuan dan negara serta Dasar UKM yang berkaitan, Dasar unit dan juga Dasar UKM lain yang berkaitan. Unit akademik dan pentadbiran mungkin menghendaki pendedahan dan pengurusan percanggahan selanjutnya melebihi daripada yang dimandatkan dalam garis panduan ini seperti yang dianggap wajar oleh unit itu dan pentadbir yang menyeliaanya.
 - 1.5 Terdapat beberapa percanggahan kepentingan yang mungkin timbul berhubung dengan Pencipta menerima Hasil Pengkomersilan. Ini termasuk percanggahan yang berkaitan dengan:
 - (a) pengendalian dan pelaporan penyelidikan;
 - (b) penglibatan Pencipta dalam membuat keputusan tentang geran, kesarjanaan, pengambilan, amalan dan peruntukan sumber; dan
 - (c) penglibatan Pencipta dalam kemampuan pakar, penasihat atau kawal selia, dalam atau di luar tempoh perkhidmatan di UKM.
 - 1.6 Dasar Percanggahan Kepentingan UKM menyediakan rangka kerja penyelesaian keadaan apabila percanggahan kepentingan wujud atau dijangka akan wujud.
2. Takrif
- 2.1 'Percanggahan Kepentingan' bermaksud percanggahan kepentingan yang mungkin timbul dan wujud apabila kepentingan peribadi, profesional, komersil atau kewangan atau aktiviti di luar UKM mungkin (sama pada hakikat atau pada lahirnya):
 - (a) Menjejaskan pertimbangan Pekerja;
 - (b) Mempengaruhi jenis atau hala tuju penyelidikan ilmiah;

- (c) Mempengaruhi keputusan atau tingkah laku Pekerja berhubung dengan pengajaran dan hal ehwal pelajar, pelantikan dan kenaikan pangkat, penggunaan sumber UKM, interaksi dengan manusia atau kepentingan lain bagi UKM; atau
- (d) Untuk mendapatkan kepentingan atau peningkatan diri atau ahli keluarga sehingga menjejaskan UKM. Untuk tujuan subseksyen (4), ahli keluarga termasuk suami / isteri, pasangan yang tinggal bersama, ahli keluarga terdekat, mertua / ipar dan tanggungan.

2.2 'Percanggahan Komitmen' bermaksud percanggahan komitmen yang mungkin timbul dan wujud apabila hubungan atau aktiviti luar Pekerja mungkin (sama ada pada hakikat atau pada lahirnya) mengganggu atau menyaingi misi pendidikan, penyelidikan atau perkhidmatan UKM atau keupayaan atau kesediaan individu untuk melaksanakan tanggungjawab sepenuhnya berhubung dengan jawatannya.

3. Peraturan Dan Prosedur

Pekerja berkongsi obligasi untuk melaksanakan dasar dan amalan UKM berhubung dengan percanggahan kepentingan dan percanggahan komitmen. Bagi memenuhi obligasi ini, setiap kumpulan ini mempunyai peranan dan tanggungjawab tertentu seperti yang diterangkan di bawah;

3.1 Hak dan Tanggungjawab Ahli Fakulti dan Kakitangan

- (a) Hak terhadap Kepentingan Luar: Pekerja berhak memperoleh dan mengekalkan kepentingan luar yang berbentuk profesional, peribadi atau ekonomi yang tidak bercanggah dengan kepentingan UKM atau dengan komitmen Pekerja secara individu terhadap UKM, Pelajar UKM, Rakan Sekutu atau dengan pihak lain yang UKM mempunyai kewajipan terhadapnya.
- (b) Komitmen Profesional: Pekerja mestilah memenuhi tanggungjawab tertentu dan aktiviti profesional yang membentuk komitmen sewajarnya terhadap pusat pengajian, kolej, jabatan / program akademik masing-masing dan unit pentadbiran lain.

- (c) **Keperluan Pendedahan:** Pekerja mestilah mendedahkan semua percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen yang sebenar atau yang mungkin timbul kepada dekan, pengarah atau penyelia yang berkenaan (atau pegawai yang ditetapkan untuknya) apabila percanggahan timbul atau dikenal pasti. Pekerja mestilah mendedahkan semua percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen yang sebenar dan yang mungkin timbul kepada penyelia atau kepada pegawai yang dilantik di unitnya. Selain itu, apabila penyelidikan atau pengkomersilan tajaan terlibat, Pekerja mestilah mendedahkan percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen yang sebenar atau yang mungkin timbul kepada jawatankuasa percanggahan kepentingan yang berkenaan. Pekerja juga mestilah memberikan maklumat tambahan yang berkaitan berhubung dengan perkara yang didedahkan atau yang tidak didedahkan seperti yang diminta oleh pihak berkuasa yang menyelia untuk tujuan menilai percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen yang sebenar atau yang mungkin timbul itu. Semua pendedahan hendaklah dibuat dengan segera.
- (d) **Keperluan mematuhi Rancangan untuk Menyelesaikan Percanggahan:** Apabila Pekerja telah mendedahkan percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen yang mungkin timbul dan dekan, pengarah, penyelia yang berkenaan atau jawatankuasa percanggahan kepentingan telah memutuskan percanggahan wujud, maka pegawai atau badan UKM yang dilantik sewajarnya akan menentukan sama ada pengurusan selanjutnya atau penghapusan percanggahan perlu dilakukan. Jika perlu, pegawai atau badan itu akan menyediakan rancangan melalui perundingan dengan ahli fakulti atau kakitangan dan Pekerja mestilah mematuhi syarat rancangan itu.

- (e) Larangan menggunakan jawatan atau pengaruh untuk mendapatkan kepentingan atau peningkatan diri: Mana-mana Pekerja tidak dibenarkan menggunakan jawatan rasmi atau pengaruhnya untuk mendapatkan kepentingan atau peningkatan seterusnya untuk dirinya, ahli keluarga atau rakan sekutu peribadinya.
- (f) Penggunaan Sumber Universiti: Kecuali seperti yang dibenarkan oleh pegawai UKM yang berkenaan: Pekerja hanya boleh menggunakan sumber UKM secara sampingan untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan pendidikan, penyelidikan, keserjanaan dan misi perkhidmatan awam UKM. Sumber tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada kemudahan, kakitangan, pelajar, kelengkapan dan maklumat sulit.
- (g) Pengetahuan tentang Dasar dan Prosedur: Pekerja mestilah tahu dan mematuhi dasar dan prosedur UKM yang terpakai.

3.2 Tanggungjawab Naib Canselor

Selaras dengan Dasar ini dan semua Dasar UKM lain yang berkaitan, Naib Canselor akan:

- (a) Memastikan penyediaan dasar pelaksanaan bagi percanggahan kepentingan dan percanggahan komitmen untuk semua Pekerja yang memegang jawatan dalam bidang tanggungjawabnya; dan
- (b) Meluluskan dan memantau dasar pelaksanaan yang berkaitan.

3.3 Hak dan Tanggungjawab Fakulti, Kolej dan Unit Pentadbiran

Selaras dengan Dasar ini dan semua Dasar UKM lain yang berkaitan, dekan setiap fakulti atau kolej, melalui rundingan dengan fakulti seperti yang dinyatakan dalam prosedur yang disediakan bersama dengan Garis Panduan ini dan pengarah setiap unit pentadbiran (atau pegawai yang ditetapkan untuknya) mestilah menyampaikan dan menyebarkan dasar pelaksanaan yang terpakai kepada Pekerja dalam unit itu termasuk:

- (a) Prosedur yang mesti diikuti oleh Pekerja dalam unit akademik atau unit pentadbiran untuk mendedahkan percanggahan kepentingan dan percanggahan komitmen yang mungkin timbul atau sebenar dalam unit mereka. Sekurang-kurangnya, semua Pekerja mestilah mendedahkan apa-apa perkara dengan segera sebaik sahaja perkara itu timbul atau dikenal pasti. Prosedur juga menghendaki pendedahan tambahan dan berkaitan yang selanjutnya apabila penilai di unit akademik atau pentadbiran memutuskan maklumat tersebut dikehendaki untuk perkara yang didedahkan atau tidak didedahkan yang mungkin percanggahan sebenar atau yang mungkin timbul Pusat pengajian, kolej dan unit pentadbiran boleh menambah keperluan dan prosedur pendedahan, mengikut yang sesuai dengan keadaan mereka;
- (b) Dasar pelaksanaan percanggahan kepentingan dan percanggahan komitmen di peringkat unit (iaitu pusat pengajian, kolej atau unit pentadbiran) mengendalikan jangkaan dan tanggungjawab pusat pengajian, kolej atau unit pentadbiran yang berkaitan dengan pelantikan profesional dan klasifikasi jawatan lain dalam unit itu;
- (c) Prosedur untuk menilai pendedahan dan menguruskan percanggahan kepentingan dan percanggahan komitmen;
- (d) Standard dan prosedur untuk mengawal tindakan Pekerja berhubung dengan perbuatan mendapatkan dan menerima ganjaran;
- (e) Prosedur untuk bertindak terhadap pelanggaran yang didakwa bagi Dasar ini (lihat seksyen 4: Pelanggaran di bawah); dan
- (f) Prosedur yang perlu diikuti apabila Pekerja berhasrat untuk mempertikaikan atau merayu apa-apa tindakan atau keputusan yang berkaitan dengan percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen (Lihat seksyen 5: Pertikaian dan Rayuan di bawah).

4. Pelanggaran

Pelanggaran Dasar ini seperti yang diputuskan oleh dekan, pengarah, penyelia yang berkenaan atau jawatankuasa percanggahan kepentingan dianggap sebagai salah laku di pihak Pekerja dan boleh dikenakan hukuman institusi hingga dan termasuk penamatan pelantikan menurut prosedur disiplin yang terpakai.

Pelanggaran termasuk tetapi tidak terhad kepada situasi apabila:

- (a) Pekerja tahu keadaan yang boleh membawanya kepada percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen yang mungkin timbul atau sebenar tetapi gagal mendedahkan percanggahan itu sepenuhnya, menurut dasar unitnya; dan
- (b) Pekerja mendedahkan percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen yang mungkin timbul atau sebenar tetapi gagal mematuhi sepenuhnya rancangan yang dikehendaki untuk mengelakkan atau mengendalikan percanggahan.

5. Pertikaian Dan Rayuan

Apabila Pekerja mempertikaikan apa-apa tindakan atau keputusan yang berkaitan dengan percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen yang mungkin timbul maka Dasar UKM sedia ada berhubung dengan pertikaian akan digunakan. Pertikaian terhadap keputusan atau tindakan yang diambil oleh jawatankuasa percanggahan kepentingan yang ditubuhkan untuk projek itu yang jawatankuasa itu bertanggungjawab ke atasnya mestilah melalui proses yang ditetapkan oleh jawatankuasa yang berkenaan. Jika fakulti, pusat pengajian, kolej atau unit pentadbiran menyediakan prosedur tambahan untuk mengendalikan pertikaian atau rayuan berhubung dengan apa-apa tindakan atau keputusan yang diambil terhadap percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen oleh Pekerja, maka prosedur tambahan itu mestilah selaras dengan dan tidak menggantikan Dasar UKM sedia ada untuk mengendalikan pertikaian.



UKM Intellectual Property
Commercialisation Policy
(Supplementary) 2012



UKM Intellectual Property Commercialisation Policy (Supplementary) 2012

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2012
<http://www.penerbit.ukm.my>

Cetakan Pertama/*First Printing*, 2012
Hak Cipta/*Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012

